

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 20

Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah matlamat Kerajaan mengawal aset digital dan mata wang crypto (cryptocurrencies) memandangkan banyak negara masih belum berbuat demikian sebab ianya boleh menjejaskan perkembangan industri fin-tech ini di Malaysia pada masa yang akan datang; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk industri fin-tech, digital aset dan mata wang crypto (crypto-currencies) di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan berpandangan bahawa aset digital dan teknologi *blockchain*, adalah satu inovasi yang berpotensi untuk digunakan dalam aktiviti penjanaan dana dan berpotensi untuk digunakan oleh pemain industri termasuklah oleh syarikat di peringkat semai (*seed company*), permulaan (*start-up*) mahupun syarikat peringkat awal (*early-stage company*). Ia juga merupakan kelas aset yang baharu untuk para pelabur. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkembangan dan inovasi dalam industri *fintech* adalah teratur, peraturan dan garis panduan yang bersesuaian wajar diperkenalkan untuk mengurangkan risiko serta dapat memelihara kepentingan pelabur. Ini termasuklah keperluan untuk penzahiran maklumat, langkah-langkah untuk mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and counter financing of terrorism*) dan mengesan aktiviti-aktiviti penipuan.

2. Susulan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengeluarkan garis panduan untuk mengawal selia pasaran aset digital. Mana-mana pihak yang ingin mengendalikan pasaran aset digital harus memohon kelulusan SC untuk didaftarkan sebagai operator pasaran diiktiraf (*recognized market*).

3. Kerajaan akan terus menjalankan usaha untuk menarik syarikat-syarikat *fintech* antarabangsa yang berwibawa untuk melabur dan mengembangkan operasi Malaysia di Malaysia, sebagai salah satu langkah menuju pendigitalan ekonomi negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Antara syarikat *fintech* antarabangsa yang telah meluaskan tapak ke Malaysia ialah Razer, yang telah melaburkan sebanyak RM20 juta untuk pembangunan *e-sports* di Malaysia, dan baru sahaja membuka pejabat mereka di Malaysia untuk membangunkan produk *e-wallet* mereka, *Razer Pay*. Selain itu syarikat teknologi gergasi Ali Baba juga telah melaburkan lebih USD100 juta ke dalam *Digital Free Trade Zone*, termasuk bagi penubuhan pusat data (*data centers*), untuk membantu syarikat-syarikat kecil meluaskan capaian mereka di peringkat antarabangsa. Sebuah lagi syarikat teknologi gergasi dari negara Republik Rakyat Cina, Tencent, juga akan melancarkan *e-wallet* mereka di

Malaysia pada minggu hadapan.

4. Adalah menjadi hasrat Kerajaan, supaya semua rakyat dapat berkecimpung dan mendapat manfaat hasil daripada perkembangan dan inovasi dalam industri ini, termasuk rakyat di negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, SC telah mengadakan inisiatif pendidikan pelabur dan pemilik perniagaan di Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap pengembangan *fintech* di Malaysia, termasuk sebagai salah satu saluran pengumpulan dana alternatif dan kelas aset pelaburan yang baharu. Inisiatif-inisiatif pendidikan pelabur SC di bawah program "*InvestSmart*", telah dilaksanakan setiap tahun sejak 2014 melalui program ceramah, *roadshow*, lawatan ke kampus universiti serta hebahan di saluran radio dan *YouTube*.

5. Selain itu, SC juga menggalakkan pengusaha *fintech* untuk meneroka potensi pasaran di Sabah dan Sarawak. Kini, terdapat pengusaha yang telah bekerjasama dengan komuniti peniaga dan syarikat "start-up" dalam kedua-dua negeri ini untuk mengambil peluang mengembangkan perniagaan mereka dengan mengadaptasi aplikasi *fintech*.

Sekian, terima kasih.